



[Experts](#)

Potensi J?w? Digital Dalam Memperkuuh Tulisan J?w?

6 February 2025

Tulisan J?w?, salah satu khazanah warisan Melayu yang kaya dengan sejarah, kini berhadapan cabaran untuk terus relevan dalam era digital. Namun, perkembangan teknologi membuka ruang baharu bagi menghidupkan semula tulisan J?w? dan memperkuuh penggunaannya dalam masyarakat moden.

Transformasi Digital Tulisan J?w?

Pengenalan teknologi digital telah mempercepatkan usaha memartabatkan tulisan J?w?. Perisian AsarFonts/JawiAT yang interaktif, mesra pengguna dan stabil dalam dunia digital telah mempermudah penulisan serta pembelajaran J?w?. Teknologi sebegini bukan sahaja membantu individu menulis J?w? dengan mudah dalam dunia digital, ia juga membantu para pengguna mempelajari tulisan J?w?. Bahkan aplikasi sebegini juga boleh digunakan dalam dokumen rasmi, komunikasi harian dan penerbitan digital. Menurut pensyarah Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA). Dr. Asar Abdul Karim yang juga pencipta perisian tersebut, "Teknologi digital memainkan peranan penting dalam memastikan sesebuah tulisan itu terus relevan dan kekal digunakan. Huruf-huruf J?w? dan transliterasi bahasa Arab perlu mempunyai kod tersendiri di dalam sistem digital dunia agar ia menjadi stabil dalam dunia Internet."

Peluang Baharu dalam Pendidikan

Teknologi digital juga membuka peluang besar dalam sektor pendidikan. Aplikasi pembelajaran interaktif, seperti permainan pendidikan dan kuiz J?w?, membantu kanak-kanak mempelajari tulisan ini secara menyeronokkan. Selain itu, platform e-pembelajaran menyediakan modul khusus untuk mempelajari sejarah, tatabahasa dan aplikasi tulisan J?w?.

Pada peringkat universiti pula, penggunaan transliterasi bahasa Arab yang mempunyai ikatan dengan tulisan J?w? patut diperluaskan, terutama dalam kalangan ahli akademik dan para pelajar. Dengan perisian AsarFonts/JawiAT yang mesra digital, proses menaip huruf-huruf transliterasi 'dot below letters' (?? (?), ?? (?), ?? (?), ?? ?) dan ?? (?) dan 'macron letters' (?? (Isl?m), ??, ?? (?m?n), ?? dan ?? (N?h)) dalam dunia digital kini lebih mudah. Usaha ini membantu menghasilkan generasi yang bukan sahaja celik J?w? tetapi juga mampu mengembangkan penggunaan J?w? dan transliterasi bahasa Arab pada pelbagai platform. Maklumat lanjut mengenai modul literasi J?w? dan transliterasi bahasa Arab digital juga boleh layari dalam pautan UMPSA Advanced:

<https://lms.mycredential-b.com/ILMU/course/view.php?id=3880. >



Penceramah bersama para peserta Bengkel Jāwī dan Transliterasi Bahasa Arab di Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS) pada 7 Januari 2025. Tiga orang daripada para peserta adalah munsyi Jāwī Negeri Pahang




Sesi praktikal Bengkel Jāwī dan Transliterasi Bahasa Arab

Hasil soal selidik yang dijalankan dalam kalangan lapan orang peserta Bengkel J?w? dan Transliterasi Bahasa Arab di UnIPSAS pada 7 Januari 2025 telah menyatakan bahawa keberkesanan perisian AsarFont/JawiAT untuk penulisan J?w? dan transliterasi bahasa Arab secara digital.

3. Keberkesan perisian AsarFont/JawiAT untuk tulisan Jawi secara digital. | The effectiveness of AsarFont/JawiAT software for digital Jawi writing.

8 responses



Gambar Rajah 1: Hasil soal selidik penggunaan perisian AsarFonts/JawiAT untuk penulisan J?w? dan Transliterasi Bahasa Arab di dunia digital

Pengaruh J?w? dalam Media dan Komunikasi

Era digital juga menyaksikan tulisan J?w? kembali mendapat tempat dalam media sosial dan komunikasi. Ramai pereka kandungan mula menggunakan J?w? dalam poster, video dan infografik sebagai cara untuk mempromosikan identiti budaya. Penggunaan tanda pagar dalam tulisan J?w? turut meningkat, menjadikan warisan ini lebih menarik kepada generasi muda di media sosial. Selain itu, media arus perdana kini mula menggabungkan J?w? dalam penerbitan digital dan cetakan seperti akhbar dan majalah. Ia adalah sebagai usaha untuk memastikan tulisan ini terus hidup.

Cabarhan dan Masa Depan

Walaupun potensi tulisan J?w? digital adalah besar, terdapat beberapa cabaran yang perlu diatasi, antaranya:

1. Isu Standardisasi Unikod

- o Sebahagian huruf J?w? diberikan kod Unikod yang tidak tepat, seperti huruf G?' (U+06AC) yang sering digantikan dengan kod G?' Pakistan (U+06AF).
- o Ini menyebabkan kekeliruan dalam penggunaan perisian J?w? dan mengganggu kestabilan paparan teks dalam dokumen digital.

2. Ketiadaan tanda jarak bagi perkataan pinjaman

- o Contohnya, perkataan teks dalam J?w? sepatutnya ditulis sebagai ????? dengan tanda jarak (zero-width non-joiner); tetapi dalam kebanyakan perisian, ia ditulis sebagai ??? (disambungkan) atau ??? ? (dipisahkan sepenuhnya).
- o Kesalahan ini menyukarkan pembelajaran dan penggunaan tulisan J?w? dalam komunikasi harian.

Tanpa penyelesaian bagi isu-isu ini, tulisan J?w? mungkin sukar untuk diterima pakai dalam dunia digital moden. Namun, dengan perisian AsarFonts/JawiAT, masalah ini dapat diatasi dengan lebih baik melalui penggunaan kod Unikod yang tepat serta sokongan terhadap tanda jarak yang

diperlukan dalam penulisan J?w?.

Jadual 1: Contoh kesalahan penulisan Jāwī dalam dunia digital

BIL.	HURUF JĀWĪ	KOD UNIKOD
1.	ᬁ(Huruf Jāwī Gā')	u+06ac
2.	ᬁ(huruf Gā' Pakistan)	u+06af
3.	ᬁ(Teks)	<p>Kesalahan penulis dalam dunia digital: تیکس، تیک س</p> <p>Dewan Bahasa dan Pustaka https://prpm.dbp.gov.my · Translate this page</p> <p>tikas</p> <p>[tikas] مفرد. Definisi : 1. deretan sampah-sarap (lumut dll) yg ditinggalkan di pantai oleh air pasang; 2. tanda paras air di pantai dtl ~ air didapati ...</p> <p>Dewan Bahasa dan Pustaka https://prpm.dbp.gov.my · Translate this page</p> <p>Kamus Bahasa Melayu</p> <p>[tikas] مفرد. Definisi : 1. deretan sampah-sarap (lumut dll) yg ditinggalkan di pantai oleh air pasang; 2. tanda paras air di pantai dtl ~ air didapati ...</p> <p>Sumber: Kamus Bahasa Melayu, 'Tikas'. Dewan Bahasa dan Pustaka, https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=tikas. Tarikh dilayari: 5/2/2025</p>

Kesimpulan

Potensi J?w? digital adalah satu peluang yang tidak boleh disia-siakan. Dengan pendekatan teknologi yang sedia ada, tulisan J?w? bukan sahaja dapat dipelihara tetapi juga diperluaskan penggunaannya dalam pelbagai bidang. Usaha ini bukan sahaja penting untuk menjaga identiti budaya tetapi juga sebagai cara untuk menghubungkan generasi masa kini dengan sejarah dan warisan nenek moyang mereka.

Penghargaan

Penyelidikan ini adalah di bawah geran penyelidikan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA), rujukan: CDU230121 (Modul Pendigitalan J?w? dan Transliterasi Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar dan Pensyarah UnIPSA).



Dr. Asar Abdul Karim

Penulis adalah Pensyarah Kanan, Pusat Sains Kemanusiaan (PSK), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

E-mel: asar@umpsa.edu.my; drasar2017@gmail.com

TAGS / KEYWORDS

[Digital tulisan J?w?](#)

- 339 views

[View PDF](#)

